

MAHATHIR - BELANJAWAN

OLEH REJAL ARBEE DAN A. RAHMAN SULAIMAN

1982

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA)-- KERAJAAN AKAN MENELITI SISTEM BELANJAWAN SEKARANG SEBAGAI SEBAHAGIAN DARI LANGKAH JANGKA PANJANG MENGURANGKAN KESAN KEMELESETAN DUNIA KE ATAS EKONOMI NEGARA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

JELASNYA KERAJAAN SEDANG MENIMBANG UNTUK MENYUSUN BELANJAWANNYA HANYA BAGI PERBELANJAAN-PERBELANJAAN SEBENAR.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM SATU TEMURAMAH DENGAN BERNAMA, KUMPULAN-KUMPULAN UTUSAN MELAYU DAN NEW STRAITS TIMES SEMENA ULANGTAHUN PERTAMA BELIAU MEMEGANG JAWATAN SEBAGAI PERDANA MENTERI ESOK.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENGANGKAT SUMPAH DI HADAPAN YANG DI-PERTUAN AGONG SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KEEMPAT, MENGGANTIKAN TUN HUSSEIN ONN, PADA 16 JULAI TAHUN LALU. --LAGI 1355/AH

MAHATHIR - BELANJAWAN 2 KUALA LUMPUR

TRANSKRIP TEMURAMAH DUA JAM ITU YANG MELIPUTI BERBAGAI-BAGAI PERKARA AKAN DITERBITKAN BERASINGAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH BAHAWA SISTEM BELANJAWAN YANG BARU ITU PERLU MEMANDANGKAN TELAH BERLAKU DI MASA-MASA LAMPAU BAHAWA PARA PERANCANG KEWANGAN NEGARA TERLALU TERDORONG UNTUK MEMBERIKAN ANGGARAN BELANJAWAN YANG BERLEBIHAN.

+MISALNYA, DALAM TIAP-TIAP SETAHUN ITU KITA AKAN DAPATI SEKURANG-KURANGNYA DUA PERBELANJAAAN TAMBAHAN DAN JIKA DIJUMLAHKAN SUDAH TENTU BESAR JADINYA.+

+BAGAIMANAPUN, MENJELANG AKHIR TAHUN APABILA KIRA-KIRA SELESAI DIBUAT, KITA DAPATI PERBELANJAAAN SEBENARNYA KURANG DARI APA YANG DIPERUNTUKKAN DI AWAL-AWALNYA. INI MENUNJUKKAN BAHAWA KITA KURANG BIJAK MENYUSUN BELANJAWAN.+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH BAHAWA PEMOTONGAN 12 PERATUS YANG MELIPUTI SEMUA PERBELANJAAAN KERAJAAN SEPERTI YANG DIUMUMKAN BARU-BARU INI IALAH SEBAHAGIAN DARI LANGKAH UNTUK +BERBELANJA BAGI PERBELANJAAAN SEBENAR SAHAJA.+ --LAGI 1400/AH

B572

MAHATHIR-BELANJAWAN 3 KUALA LUMPUR

MENSIFATKAN LANGKAH ITU SEBAGAI BAIK KERANA IA AKAN MENDORONG PARA PEGAWAI MENJADI 'LEBIH TELITI' KETIKA MENYEDIAKAN BELANJAWAN DAN M MEMBELANJAKAN WANG, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK SEBARANG KESAN NEGATIF LANGKAH ITU.

+KALAU ADAPUN INI AKAN DISEIMBANGKAN DENGAN KESAN-KESAN POSITIF DAN PADA KESELURUHANNYA PENTADBIRAN SEHARUSNYA BERJALAN LICIN+, KATANYA.

TENTANG SYOR SUPAYA KERAJAAN MENGURANGKAN PELABURANNYA DALAM PERUSAHAAN-PERUSAHAAN BERAT MEMANDANGKAN EKONOMI DUNIA YANG MEROSOT, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK AKAN MELAKUKANNYA KERANA PELABURAN YANG DIJALANKAN OLEH PERBADANAN PERUSAHAAN BERAT MALAYSIA (HICOM) ADALAH +PELABURAN UNTUK MASA DEPAN+.

KATANYA WALAUPUN IA MERUPAKAN SATU PERKARA BIASA BAGI SESEBUAH KERAJAAN ITU UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAANNYA DI WAKTU-WAKTU KESULITAN, PERTIMBANGAN YANG SEWAJARNYA HENDAKLAH DIBUAT SEBELUM LANGKAH SERUPA ITU DIAMBIL.

+SEBELUM PENGURANGAN DIBUAT KITA HENDAKLAH MEMIKIRKAN SAMA ADA IA AKAN MENINGGALKAN KESAN SERTA-MERTA ATAU PUN TIGA, EMPAT ATAU LIMA TAHUN KEMUDIAN+, KATANYA.

-- LAGI 1412/AN

B573

MAHATHIR-BELANJAWAN 4 KUALA LUMPUR

OLEH KERANA EKONOMI DUNIA KADANG-KALA MENGALAMI MASA MELAMBUNG DAN MASA MELESET, PELABURAN DALAM MUSIM MELESET ITU AKAN MENGELUARKAN HASIL DI MUSIM MELAMBUNG.

+JIKA KITA MELABUR DALAM MUSIM MELAMBUNG KITA AKAN KERUGIAN+, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN BAHAWA KEBANYAKAN PELABURAN OLEH HICOM AKAN MENGAMBIL BEBERAPA TAHUN UNTUK MENGELUARKAN HASIL - MUNGKIN TIGA HINGGA EMPAT TAHUN - DAN TATKALA ITU EKONOMI TELAH PULIH.

OLEH KERANA PELABURAN-PELABURAN ITU DIBUAT DALAM MUSIM MELESET, DENGAN KOS PELABURAN YANG RENDAH PULA, IA DIJANGKA MENGELUARKAN HASIL DALAM MUSIM MELAMBUNG.

+SEBALIKNYA, JIKA KITA CUBA MELABUR DALAM MUSIM MELAMBUNG, KOSNYA TINGGI DAN OLEH KERANA HASILNYA AKAN DIKELUARKAN DALAM MUSIM MELESET, MAKA SUSAHLAH KITA+, TEGASNYA.

MERUJUK KEPADA UNJURAN YANG DIBUAT DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT DAN DALAM BELANJAWAN TAHUN INI, PERDANA MENTERI BERKATA BUKAN HANYA MALAYSIA YANG TERGELINCIR DARI UNJURAN ASALNYA DARI SEGI PRESTASI EKONOMI.

--LAGI 1415/AN

MAHATHIR-BELANJAWAN 5 KUALA LUMPUR

+UNJURAN KITA TIDAKLAH BEGITU TERUK BERBANDING DENGAN UNJURAN-UNJURAN NEGARA LAIN YANG SALAH SAMA SEKALI, + KATANYA.

PERDANA MENTERI MENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA TIDAK TERLALU BIMBANG DENGAN KEADAAN EKONOMI SEKARANG.

RAKYAT MESTILAH MEMPUNYAI KEPERCAYAAN TERHADAP KEMAMPUAN KERAJAAN, KATANYA.

MENGINGATI KEMBALI KEADAAN YANG SAMA YANG DIALAMI OLEH NEGARA DALAM TAHUN 1975 BELIAU BERKATA AKIBAT TINDAKAN SEGERA KERAJAAN KEADAAN TELAH PULIH SEPERTI BIASA LEBIH CEPAT DARI YANG DIJANGKAKAN.

+ORANGRAMAI MUNGKIN TELAH LUPA BAHAWA KITA TELAH MENGURANGKAN PENGELUARAN GETAH, MALAH GAJI PARA MENTERI JUGA DIKURANGKAN SEBANYAK LIMA PERATUS+.

--BERNAMA 1417/AN